

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 MAY 2017

5 kerjasama Malaysia-Bahrain

UM
-3/5/2017

Oleh **SOFIAN BAHAROM** dan
JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 2 MEI

MALAYSIA dan Bahrain hari ini menandatangani satu perjanjian dan empat memorandum persefahaman (MoU) bersempena lawatan negara Raja Bahrain, Raja Hamad Isa Al Khalifa ke Malaysia.


Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Raja Hamad di Seri Perdana, di sini malam ini.

Perjanjian tersebut merangkumi sektor perkhidmatan udara manakala MoU pula melibatkan sektor pertahanan, industri kecil dan sederhana serta kerjasama industri, sektor hulu minyak dan gas serta perdagangan.

Perjanjian dan MoU tersebut adalah perjanjian perkhidmatan berkaitan udara antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bahrain dan MoU berhubung kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara serta MoU kerjasama perindustrian kecil dan sederhana serta industri.

Turut dimeterai, MoU berkaitan sektor hulu kerjasama gas cecair asli (LNG) antara syarikat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) dan Pihak Berkuasa Minyak dan Gas Kebangsaan Bahrain (NOGA Holdings) dan MoU antara Dewan Perdagangan dan Industri Bahrain (BCCI) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NC-CIM).

Terdahulu, Najib mengadakan mesyuarat tertutup bersama Raja Hamad sebelum kedua-dua



NAJIB TUN RAZAK (kanan) bersalaman dengan Raja Hamad Isa Al Khalifa semasa menerima kunjungan Raja Bahrain itu di Seri Perdana malam ini. Raja Hamad mengadakan lawatan negara empat hari ke Malaysia pada Ahad atas undangan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V. -BERNAMA

Perjanjian dan MoU tersebut adalah perjanjian perkhidmatan berkaitan udara antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bahrain dan MoU berhubung kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara serta MoU kerjasama perindustrian kecil dan sederhana serta industri."

pemimpin itu menyaksikan majlis menandatangani MoU antara wakil Malaysia dan Bahrain.

Raja Hamad kemudiannya diraikan dalam majlis makan malam yang dihoskan oleh Najib.

Raja Hamad memulakan lawatan negara ke Malaysia bermula

Ahad lalu sehingga esok atas undangan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V.

Lawatan itu adalah kali pertama bagi ketua negara Bahrain sejak kedua-dua negara menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1974.